

BAB TIGA

BAB TIGA : BON ISLAM DARI PERSPEKTIF FIQH

3.1 Pendahuluan

Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini terbitan bon Islam adalah berbeza dengan bon konvensional kerana terbitan bon Islam menggunakan akad yang diharuskan sedangkan bon konvensioanal menggunakan akad pinjaman berfaedah. Walau bagaimanapun jika diteliti dengan mendalam ia seolah-olah satu bentuk *hilah* kerana penerbit bon bertujuan mendapatkan wang dan persekuritian aset itu hanyalah satu proses untuk mengharuskan perolehan wang tersebut menggunakan akad-akad yang sedia ada. Meskipun begitu ia adalah lebih selamat berbanding menggunakan instrumen bon konvensional yang ternyata satu instrumen yang haram di sisi syarak. Oleh kerana dana diperlukan untuk pembiayaan ekonomi, penerbitan bon Islam adalah satu cara yang praktikal dan boleh diterimakan kerana ia telah diislamisasikan.

Walau bagaimanapun kesahihan bon Islam dipertikaikan oleh para sarajana Islam kerana wujudnya elemen jual beli hutang dan pendisksaunan harga bon tersebut dalam pasaran kedua. Secara praktisnya pelabur tidak akan menyimpan bon tersebut sebaliknya mereka akan meniagakan sijil bon itu dalam pasaran kedua. Di sinilah akan berlaku urusniaga sijil hutang tersebut. Oleh itu timbul persoalan sama ada sijil tersebut boleh diniagakan atau tidak.

Secara zahir ia adalah sekeping kertas tetapi pada hakikatnya ia adalah lambang wujudnya hutang di antara penerbit bon dan pemegang sijil kerana mereka telah berjual beli aset dengan cara bayaran ansuran berdasarkan akad *bay^c bithaman ājil* ataupun *murābahah*.

3.2 Bentuk Akad Jual Beli Bon Islam

Pembangunan memerlukan modal dan ia mesti diperolehi dengan cara yang dibenarkan syarak. Oleh sebab itu Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.¹ Akad yang digunakan untuk penerbitan bon Islam pada dasarnya adalah berdasarkan akad jual beli. Jual beli atau *al-bay^c* membawa erti pertukaran barang dengan keadaan satu pihak menjual dan pihak yang lain membeli.² *Bay^c* adalah daripada kata umbi *bā'a* yang bermaksud menjual tetapi dalam masa yang sama ia juga bererti membeli (*ibtā'*). Ringkasnya ia bolehlah didefinisikan sebagai penggabungan kedua-dua aktiviti penjualan dan pembelian (jual beli). Lazimnya ia difahamkan sebagai kontrak pertukaran untuk mendapatkan sesuatu di kedua-dua belah pihak (penjual dan pembeli).³

Dari segi istilah pula *fuqahā'* Syāfi'i mendefinisikan *bay^c* sebagai pertukaran harta dengan harta dalam keadaan menyerah atau menerima hak milik. Sesetengah *fuqahā'* Syāfi'i mengkhususkan makna *bay^c* kepada *ṣīghah* penawaran dan penerimaan objek untuk tujuan pemilikan. Definisi ini menghadkan beberapa akad seperti *bay^c al-taā'i* yang tidak memerlukan lafadz

sīghah.⁴ *Fuqahā'* Ḥanafī pula mentakrifkannya sebagai satu akad jual beli terhadap barang yang mana barang itu mempunyai nilai tertentu yang dimiliki secara usaha dan bukan secara *hibah*.⁵ *Fuqahā'* Mālikī mendefinisikan maksud jual beli dalam bentuk yang lebih luas mengikut kategori-kategorinya . Jual beli melibatkan pertukaran antara dua pihak sama ada pertukaran objek dengan objek, objek dengan hutang dan hutang dengan hutang. Ia juga berlaku sama ada dengan bayaran tunai mahupun bayaran tangguh.⁶ Seterusnya *fuqahā'* Ḥanbalī mendefinisikan jual beli sebagai akad penawaran dan penerimaan sama ada secara lafaz atau tidak mengikut *'urf* yang difahami sebagai akad jual beli.⁷ Manakala *Majallat al-Aḥkām al-'Adliyyah* dalam artikel 105 mendefinisikannya sebagai pertukaran harta dengan harta dan berlaku dengan akad mahupun tanpa akad.⁸

Dalam penerbitan bon Islam berlaku dua peringkat jual beli iaitu yang pertama penerbit bon akan menjual aset kepada pelabur dan kemudiannya akan membeli balik aset tersebut daripada pelabur dengan cara *bay' al-murābāḥah* atau *bay' bithaman ājil*. Penerbit bon mendapat wang tunai daripada pelabur hasil jualan aset kepada pelabur dan bagi pembelian semula aset tersebut daripada pelabur penerbit bon akan membayar harga aset itu secara ansuran dan ditangguhkan kepada suatu masa akan datang yang ditetapkan. Oleh itu penerbit bon berhutang dengan pelabur harga aset tersebut dan penerbit bon akan menerbitkan sijil hutang yang menyatakan secara detail hutang tersebut. Transaksi jual beli ini berlaku dalam pasaran pertama iaitu antara penerbit bon

dan pelabur. Dalam pasaran kedua pula, pelabur akan menjual sijil hutang itu kepada mana-mana pembeli yang berminat untuk membeli sijil hutang tersebut berdasarkan *bay^c al-dayn*.

Para *fuqahā'* silam telah membincangkan dengan mendalam konsep dan prinsip *bay^c al-murābahah*, *bay^c bithaman ājil*, dan *bay^c al-dayn* di dalam kitab-kitab *turāth* dan penggunaan akad-akad tersebut dalam penerbitan bon Islam adalah satu usaha untuk menghidupkan kembali akad-akad tersebut bagi menghapuskan amalan konvensional. Oleh itu kajian ini cuba mengupas sama ada penggunaan akad-akad tersebut selari dengan konsep jual beli yang telah disyariatkan atau sekadar melabelkan dengan nama akad-akad tersebut semata-mata.

3.3 *Bay^c Murābahah*

Murābahah adalah perkataan arab yang berasal daripada *ribḥ* yang bermaksud pertumbuhan dalam perniagaan.⁹ Manakala mengikut istilah *bay^c al-murābahah* ialah penjualan barang dengan harga asal dicampur keuntungan pada kadar tertentu dan harga tersebut dipersetujui antara penjual dan pembeli.¹⁰ Harga bayaran bagi jualan barang itu boleh dibayar sekaligus atau secara beransur-ansur. Pembeli juga mempunyai pilihan untuk membayar secara tunai mahupun secara bertangguh.¹¹ Jika bayaran dibuat secara tangguh kondisi tersebut hendaklah diketahui oleh kedua orang yang berakad dan

dinyatakan dengan jelas di dalam akad.¹² Jumhur *fuqahā'* sepakat mengatakan *bay^c al-murābahah* adalah diharuskan.¹³

3.3.1 Syarat-syarat Khas *Bay^c al-Murābahah*

Bagi akad *bay^c al-murābahah* para *fuqahā'* berpendapat beberapa syarat perlu dipenuhi untuk menjadikan akad tersebut sah di sisi syarak. Syarat-syarat tersebut ialah :

- (i) Mengetahui harga belian yang pertama¹⁴

Syarat ini bermaksud pembeli kedua hendaklah mengetahui harga yang dibeli oleh penjual yang hendak menjual barang tersebut kepadanya. Contohnya Si A mengetahui harga barang yang dibeli oleh Si B sebelum si B menjual barang tersebut kepada Si A. Jika harga belian oleh Si B tidak diketahui oleh Si A sehingga majlis akad berlangsung maka jual beli tersebut dianggap *fāsid*. Jika harga tersebut tidak diketahui juga sehingga kedua belah pihak yang berakad itu beredar dari majlis akad maka jual beli tersebut adalah terbatal kerana sifat *fāsid* terus kekal pada jual beli tersebut.¹⁵

(ii) Mengetahui Kadar Keuntungan¹⁶

Kadar keuntungan merupakan sebahagian daripada harga barang. Oleh itu keuntungan mestilah diketahui kerana di antara syarat sah jual beli ialah mengetahui harga barang.¹⁷

(iii) Modal Adalah Barang *Mithliyyat*¹⁸

Modal hendaklah terdiri daripada barang *mithliyyat* seperti barang yang boleh disukat, ditimbang atau dibilang yang mempunyai unit yang hampir sama. Ini adalah syarat pada jual beli dengan penjualan yang pertama telah sempurna ataupun tidak dan sama ada keuntungan itu berjenis sama dengan jenis harga yang pertama atau tidak, sesudah ia menjadi suatu benda yang diketahui kadarnya seperti satu dirham dan seumpamanya.¹⁹

Tetapi jika barang itu tidak sama barang yang lain yakni tidak ada unit yang serupa dengannya, seperti barang-barang perniagaan maka tidak harus dijual secara *murābahah* kepada orang yang tidak mempunyai barang perniagaan di dalam miliknya. Ini disebabkan *murābahah* adalah penjualan dengan harga yang sama seperti harga yang pertama di samping tambahan untung pada penjualan *murābahah*.²⁰

Berdasarkan kaedah ini jika harga yang pertama itu bukan terdiri daripada barang *mithlii* seperti barang yang dibilang yang mempunyai unit yang berbeza saiznya, contohnya seperti rumah, pakaian, buah tembakai dan lain-lain. Maka jika ia menjualnya kepada orang yang tidak memiliki dan tidak berada di dalam tempohnya maka penjualan itu tidak harus disebabkan dia tidak boleh menjualnya secara *murābahah* dengan barang perniagaan kerana barang perniagaan itu tidak ada di tangan dan tidak pada miliknya. Dia juga tidak menjual kepada orang itu dengan nilainya, sebab nilainya tidak diketahui nilai yang dibuat itu hanya secara anggaran sahaja. Tambahan pula dalam menilainya, para jurunilai membuat penilaian yang berbeza-beza. Tetapi jika dia menjualnya kepada orang yang memiliki barang perniagaan itu ataupun barang perniagaan itu berada di tangannya maka dilihat:²¹

- (a) Jika dijadikan keuntungan sebagai suatu yang berbeza daripada modal dan kadarnya diketahui, seperti wang perak atau pakaian tertentu maka penjualan itu adalah harus, kerana harga yang pertama dikethau dan keuntungan diketahui. Contohnya si A mengatakan kepada si B "Aku jual secara *murābahah* pakaian yang ada pada tangan engkau dengan keuntungan 10 dirham".
- (b) Jika dijadikan keuntungan sebagai sebahagian daripada modal, seperti si A mengatakan kepada si B, "Setiap 10 ringgit modal untungnya yang diketahui ialah seringgit". Ertinya keuntungan yang diambil ialah 10 peratus. Jualan ini dahulunya diketahui dengan untung *dah yazdah*. Ianya tidak harus kerana

menjadikan untung sebagai sebahagian dari barang jualan. Sedangkan barang jualan adalah berbeza juzuk-juzuknya. Ia hanya dapat diketahui melalui penilaian. Penilaian adalah tidak diketahui kerana cara mengetahuinya hanya melebihi agakan

Tetapi jika dijual secara *wad'ah* (rugi) kepada orang yang memiliki barang perniagaan itu ataupun barang perniagaan itu berada di tangannya, maka hukumnya adalah sebalik kepada *murābahah* iaitu jika dia menjadikan *wad'ah* suatu barang yang berasingan daripada modal, seperti wang perak dan seumpamanya kadar tersebut daripada modal, sedang ia tidak diketahui.²²

Jika dijadikan *wad'ah* suatu barang yang sama jenis dengan modal, seperti dijual dengan kerugian sepuluh peratus iaitu dengan tiap-tiap 10 ringgit dikurangkan seringgit maka jual beli itu harus pada 10 bahagian dari sebelas bahagian modal. Sebab bahagian pecahan itu merupakan juzuk daripada keseluruhan modal yang dimaklumi.²³

(iv) Tiada Unsur Riba²⁴

Jika barang yang dijual itu barang *ribāwī*, maka akad tersebut hendaklah tidak menyebabkan terjadi riba pada harga yang pertama. Contohnya pembelian dengan cara membeli barang yang ditimbang atau disukat dan dibayar dengan barang yang sama jenis dan sama timbangan atau sukatannya. Barang

yang dibeli dalam bentuk ini adalah tidak boleh dijual secara *al-murābahah* kerana *al-murābahah* adalah penjualan dengan harga pertama dicampur dengan keuntungan. Sedangkan tambahan terhadap harta *ribawī* adalah menjadi riba dan tidak dikira sebagai keuntungan.²⁵

(v) Akad Yang Pertama Mestilah *Sahīh*²⁶

Jika akad yang pertama adalah *fāsid*, penjualan secara *al-murābahah* adalah tidak harus kerana *al-murābahah* adalah penjualan dengan harga pertama dan ditambah dengan keuntungan. Sedangkan penjualan yang *fāsid* disabitkan pemilikannya dengan nilai barang atau barang yang seumpamanya dan bukan dengan harganya.²⁷

3.3.2 Syarat-Syarat Harga Dan Keuntungan

Oleh kerana keuntungan dalam jual beli boleh dilakukan selagi ia memenuhi syarat-syarat tersebut, bagaimana pula para penjual dan pembeli hendak mengukur apakah kadar keuntungan yang diharuskan. Adakah penjual bebas meletakkan kadar keuntungan sesuka hati mereka atau terdapat satu panduan khas yang perlu diikuti oleh para peniaga. Terdapat satu *hadīth* yang masyhur yang dijadikan panduan kepada peniaga muslim untuk menentukan kadar keuntungan dalam urusniaga mereka iaitu hadis yang bermaksud:

Nabi saw mengutuskan salah seorang sahabat untuk membeli seekor unta. Lalu sahabat tersebut pergi tetapi ia membeli dua ekor dengan harga satu dinar emas. Ia kemudian membawa balik seekor unta dan satu dinar kepada Nabi SAW.²⁸

Berdasarkan hadis di atas sahabat telah mengambil keuntungan sebanyak 100 peratus dan Rasulullah tidak melarang perbuatan sahabat tersebut. Walau bagaimanapun penjual tidak boleh terlalu tamak dan menindas pembeli kerana ia melanggar prinsip akhlak dalam mengumpul harta benda sebagaimana firman Allah dalam surah *al-Nisā'* ayat 29 yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu makan harta-harta kamu di antara kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya) kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu .²⁹

Oleh itu peniaga Muslim tidak boleh menindas saudaranya yang lain semata-mata kerana inginkankekayaan dan keuntungan untuk dirinya semata-mata. Mereka perlu ingat bahawa mereka perlu menjaga roh tolong menolong dan semangat persaudaraan yang sedia wujud sesama mereka.

Menurut Mazhab Hanafi, harga hendaklah dari jenis yang sama seperti mata wang, barang yang disukat, ditimbang atau barang yang dikira mengikut bilangan yang dilihat secara kasar adalah sama. Barang yang dibilang dan tidak sama keuntungan boleh ditambah dalam harga seperti si A membeli unta dengan

harga sepuluh keping mata wang emas, ia boleh menjual unta tersebut dengan harganya dan ditambah dengan kadar keuntungan yang ditentukan.³⁰

Sementara barang yang dibeli dengan harga dari jenis yang dinilai seperti binatang, pakaian atau harta tak alih adalah tidak sah dijual dengan akad *al-murābāḥah* kecuali memenuhi dua syarat iaitu:

- (i) Bayaran harganya hendaklah dengan material yang menjadi harga belian pertama. Contohnya, Zaid membeli sehelai pakaian daripada °Umar dengan harganya seekor kambing. Kemudian Muhammad membeli pakaian tersebut daripada Zaid dengan harga belian pertamanya iaitu kambing °Umar setelah kambing itu dibeli oleh Muhammad.
- (ii) Kadar keuntungan hendaklah dijelaskan. Sebagai contoh seorang pembeli berkata kepada penjual "saya beli pakaian ini dengan harga seekor kambing yang menjadi harga pakaian ini ketika anda membelinya serta tambahan keuntungan sebanyak sepuluh dirham. Dalam hal ini, keuntungan secara nisbah peratus kepada harga asal adalah tidak sah kerana harga pakaian tidak dapat ditentukan."³¹

Penjual boleh mencampurkan harga asal dengan semua kos yang ditanggung mengikut kebiasaan yang dilakukan oleh golongan peniaga sama ada yang berbentuk kos pemperosesan atau kos perkhidmatan. Mereka berpendapat penjual harus mengira semua kos perbelanjaan sebagai kos modal

sebagaimana yang lazimnya dipraktiskan oleh peniaga sama ada melibatkan kos pengeluaran komoditi seperti menjahit kain mahupun kos sampingan seperti kos pengangkutan barang, bayaran komisyen kepada broker dan sebagainya.³²

Bagi mazhab Mālikī pula mereka berpendapat bahawa terdapat dua keadaan barang yang dijual secara *al-murābāḥah* sama ada penjual menjual barang yang sama sebagaimana asal barang tersebut ataupun penjual menjual barang yang diproses dan bentuk barang tersebut telah berubah. Jika penjual membeli barang dan menjual barang yang sama tanpa mengeluarkan sebarang perbelanjaan tambahan untuk barang tersebut maka pembeli mestilah membayar harga barang dan margin keuntungan yang disepakati oleh kedua-dua belah pihak.

Sebaliknya jika penjual mengeluarkan perbelanjaan tambahan maka kaedah pengiraan keuntungan adalah seperti berikut:

$$\text{Peratus Keuntungan} = (\text{Kos Modal} + \text{Kos Tambahan})/100$$

$$\text{Jumlah Keuntungan} = \text{Peratus Keuntungan} \times (\text{Kos Modal} + \text{Kos Tambahan})$$

$$\text{Kos Jualan } \textit{Murābāḥah} = \text{Kos Modal} + \text{Jumlah Keuntungan}$$

Contoh

$$\text{Kos Modal} = \text{RM}1200.00$$

Kos Tambahan =RM200.00

Peratus Keuntungan = $(RM1000.00 + RM200)/100$

= 12 %

Jumlah Keuntungan = 12% X RM1200.00

= RM144.00

Kos Jualan *Murābahah* = RM1200.00 + RM144

=RM1344.00

Bagi Mazhab Mālikī terdapat tiga bentuk kos tambahan ke atas sesuatu barang sebelum ia dijual iaitu:³³

- (i) Kos tambahan itu dikira sebagai modal dan kos ini dikira sebagai nisbah keuntungan. Perbelanjaan tambahan ini memberi kesan ke atas barang dan bersifat material atau yang boleh dilihat dengan jelas pada barang. Contohnya kos mencelup atau menjahit kain. Dalam bentuk ini kos pemprosesan tersebut dicampur dengan harga asal dan peratus keuntungan diambil berdasarkan campuran ini. Walau bagaimanapun jika tambahan tersebut dilakukan sendiri oleh penjual ia tidak boleh mengenakan caj upahnya untuk diri sendiri. Dengan itu ia tidak dikira sebagai tambahan harga barang dan peratusan keuntungan juga tidak boleh diambil berdasarkan campuran caj tersebut.

- (ii) Kos tambahan yang tidak dikira sebagai modal dan tidak dikira sebagai nisbah keuntungan. Kos tersebut lebih berbentuk kos perkhidmatan dan tidak memberi kesan kepada barang. Contohnya penyimpanan barang di dalam stor di rumah penjual sendiri, kos pengangkutan . Dalam situasi sebegini kos tambahan tersebut tidak dikira sebagai harga asal dan penjual tidak boleh mengambil keuntungan dengan berdasarkan campuran itu.
- (iii) Kos tambahan dikira sebagai modal tetapi tidak dikira sebagai nisbah keuntungan. Perbelanjaan ini tidak melibatkan pemprosesan barang tetapi dikhususkan untuk barang tersebut. Sebagai contoh memberi makanan kepada ternakan, bayaran komisyen kepada broker dan juga upah melipat kain maka kos tambahan dikira sebagai harga asal dan penjual mempunyai pilihan sama ada mengira kos tersebut atau mengabaikannya.

Menurut mazhab Syāfi‘ī, keuntungan di dalam akad *al-murābāhah* adalah sah sama ada pengiraannya dibuat secara jumlah tertentu atau secara peratusan apabila pembeli mengetahui harga asal dan kos tambahan maka akad ini adalah sama kedudukannya dengan akad yang pertama sekalipun penjual tidak menjelaskannya.³⁴

- (i) Kos Jualan *Murābāhah* = Kos Modal + Jumlah keuntungan
Contoh

Kos modal = RM1000, Jumlah Keuntungan = RM200

Kos Jualan *Murābahah* = RM1200.00

(ii) Kos Jualan *Murābahah* = Kos Modal + Peratus Keuntungan

Kos Modal = RM1000, Peratus Keuntungan = 10%

Kos Jualan *Murābahah* = RM1100.00

Walau bagaimanapun bayaran upah kerja yang dilakukan sendiri oleh penjual atau dilakukan oleh pekerja sukarela tidak termasuk di dalam akad kecuali jika diizinkannya. Penjual juga perlu menjelaskan sekiranya harga asal adalah dalam bentuk barang dan pembeli tidak mengetahuinya.³⁵ Sebagai contoh penjual berkata " Saya jual pakaian ini dengan harganya iaitu seekor kambing yang nilainya 300 ringgit".³⁶

Mazhab³⁷ Hanbalī pula menetapkan semua kos sampingan berkaitan komoditi tersebut boleh dikira sebagai kos jualan dengan syarat pembeli mengetahui jumlah kos sampingan dan kos sebenar komoditi itu.³⁷

Mereka juga berpendapat, pengiraan keuntungan di dalam *bay' al-murābahah* adalah sah dan tidak makruh mengikut bentuk yang pertama di atas iaitu harga asal dan keuntungan diterangkan. Manakala bentuk kedua iaitu menyebut peratus sahaja hukumnya sah tetapi makruh jika penjual berkata

"Saya jual rumah ini dengan keuntungan sebanyak sepuluh peratus daripada harganya". Penjual mestilah menjelaskan dengan tepat harga dan semua kos tambahan yang dibuat.³⁸

Adalah jelas bahawa keempat-empat mazhab sependapat bahawa menerangkan harga dan keuntungan yang diambil adalah syarat penting untuk mengesahkan akad. Kedua-dua bentuk pengiraan keuntungan di atas adalah sah menurut mereka walaupun mazhab Hanbalī menganggap makruh menggunakan kaedah pengiraan yang kedua dengan hujah terdapat ketidakjelasan. Jumhur menolak pendapat ini dengan hujah ketidakjelasan pada peratusan boleh diatasi dengan pengiraan. Oleh itu pendapat jumhur adalah terpilih. Tambahan pula dengan meluasnya penggunaan kaedah pengiraan dengan bantuan alat-alat pengiraan moden dewasa ini maka perkara tersebut dapat diatasi.

Di sini kita dapat perselisihan pendapat di antara mazhab Hanafi dan Maliki berkaitan dengan harga dalam bentuk *qimī* seperti seekor kambing dan sebagainya. Mazhab Hanafi mengenakan syarat yang lebih ketat berbanding mazhab Mālikī yang kelihatan lebih longgar di dalam hal ini, dan ia lebih sesuai dengan asas muamalah itu sendiri yang terbina di atas konsep memudahkan selama mana ia masih berada di dalam batas-batas syarak.

Jika kos tambahan dimasukkan ke dalam harga, sama ada tambahan itu bersifat material yang jelas atau sebaliknya mestilah diterangkan dalam apa juu keadaan kerana ia menjadi sebahagian daripada harga. Jika penjual tidak menyebut harga dengan jelas dan bentuk tambahan yang dilakukannya maka akad tersebut hukumnya adalah *fāsid* kerana pembeli tidak mengetahui harga sebenar barang tersebut.

Terdapat perbezaan pendapat tentang bentuk kos tambahan yang diambilkira. Mazhab Ḥanafī merujuk kepada *‘urf* iaitu jika telah menjadi kebiasaan peniaga di sesuatu tempat itu memasukkan sesuatu kos itu sebagai sebahagian daripada harga barang maka mazhab Ḥanafī akan memasukkan kos tersebut ke dalam harga bagi akad *al-murābāḥah*. Begitu juga jika sebaliknya. Ini dapat dilihat dengan jelas dari pendapat terkuat mazhab Ḥanafī. Mazhab Mālikī pula merujuk kepada syarat yang dibuat di antara penjual dan pembeli. Jika penjual mensyaratkan supaya pembeli membayar semua bentuk kos maka pembeli mestilah membayarnya. Mazhab Syāfi‘ī pula dirasakan merujuk kepada *‘urf* apabila tidak memasukkan beberapa kos seperti upah kerja yang dilakukan sendiri oleh penjual. Ini dapat dilihat juga dari kenyataan al-Syarbīnī yang berpendapat kos sara hidup seperti makan minum hamba, pakainnya, makanan binatang tanpa membazir dan bayaran perubatan apabila sakit, adalah tidak diambilkira.³⁹

Dari konsep *al-'adl* wa *al-ihsan* didapati kos-kos tambahan yang diambil kira sebagai harga jualan di dalam akad *al-murābahah* adalah lebih bersifat suatu pertimbangan untuk melindungi pihak penjual dari menanggung kerugian dan bukanlah bertujuan untuk menambah keuntungan mereka. Oleh itu keadilan dapat diberi kepada kedua belah pihak iaitu bagi pihak penjual agar tidak mengalami kerugian dan pembeli pula tidak ditindas dengan kos-kos tambahan yang tinggi. Ini dapat dilihat dari ketiga-tiga tambahan di atas. Bagi tambahan yang bersifat material yang wujud pada barang, tambahan yang dilakukan sendiri oleh penjual, upahnya tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada harga. Sementara tambahan dalam bentuk perbelanjaan yang tidak wujud pada barang tetapi dikhurasukan untuk barang tersebut diambil kira sebagai campuran harga sahaja tetapi tidak boleh diambil keuntungan dengan nisbah campuran tersebut. Sementara kos untuk perkhidmatan yang tidak dikhurasukan untuk barang tersebut juga tidak boleh diambil kira sebagai harga atau nisbah keuntungan.

Jika dilihat pada contoh akad jual beli bon Islam pada muka rajah 8 dan 9 ia menunjukkan bahawa penjual telah menetapkan untung tahunan yang diambil ialah 10 peratus daripada harga asal iaitu RM300,000.00. Oleh kerana bon Islam tersebut dijual secara bertangguh selama lima tahun maka kadar keuntungan yang diambil oleh penjual selama lima tahun pada kadar 10 peratus setiap tahun menjadikannya sejumlah RM150,000.00. Ini menjadikan harga bon

tersebut dijual dengan harga RM450,000.00 iaitu harga asal dicampur dengan tambahan keuntungan dan dibayar secara bertangguh.

3.3.3 Pertambahan Kadar Keuntungan Dalam Akad harga Tangguh

Terdapat dua pendapat bagi kes pertambahan kadar keuntungan dalam akad harga tangguh. Jumhur *fuqahā'* berpendapat bahawa pertambahan yang disebabkan oleh harga tangguh sehingga menjadikan harga barang lebih tinggi daripada harga tunai adalah harus.⁴⁰ Sementara Ibn Hazm dan sebahagian ahli fiqh berendapat bahawa pertambahan seperti itu adalah tidak harus.⁴¹

Jumhur berhujah bahawa semua bentuk jual beli adalah harus termasuk jual beli dengan harga tertangguh atau *bay' al-nasiyah*. Keharusan jual beli dengan harga tangguh itu adalah merangkumi harga yang bersamaan dengan harga semasa barang, lebih tinggi atau lebih rendah daripadanya. Oleh kerana pada asasnya, jual beli adalah halal maka hukum halal tersebut tidak boleh diubah kecuali dengan adanya sandaran dalil.

Bagi para *fuqahā'* yang berpendapat pertambahan itu tidak harus, mereka berhujah dengan *hadīth* yang bermaksud:

Sesiapa yang menjual dengan dua jualan dalam satu, maka baginya pengurangan atau pertambahan (riba).⁴²

Tafsiran kepada *hadīth* di atas ialah larangan tersebut ditujukan kepada pertambahan yang diambil oleh penjual kerana penangguhan harga. Justeru itu Rasulullah SAW menyatakan "baginya pengurangan" iaitu pengurangan harga atau pertambahan iaitu pertambahan yang diambil kerana bayaran harga yang dilewatkan. Inilah maksud *hadīth* di atas sebagaimana yang diuraikan oleh al-Sammak, bahawa seorang lelaki yang menjual barang dan berkata harga secara tangguh ialah sekian dan harga secara tunai ialah sekian.⁴³.

Berdasarkan pendapat-pendapat tersebut pendapat jumhur *fuqahā'* adalah pendapat yang terpilih berdasarkan kekuatan hujah mereka. Tambahan pula jika kita meletakkan harga tertangguh sama dengan harga tunai akan menyebabkan kesukaran kepada orang ramai kerana peniaga sudah tentu enggan menjual barang mereka dengan cara tertangguh sedangkan sesetengah orang tidak ada pilihan lain untuk membeli barang yang mereka perlukan. Dengan keharusan pertambahan di atas, kepentingan pembeli terpelihara dengan cara harga tertangguh dan kepentingan penjual juga terpelihara iaitu dengan pertambahan keuntungan.

3.4 *Bayf al-Dayn*

Hutang ialah *dayn* daripada kata umbi *dāna* bermaksud segala yang tidak hadir dan ia wujud melalui pinjaman atau menjual sesuatu dengan cara

berhutang dan ditangguhkan bayaran. Contoh hutang ialah harga barang yang dijual secara hutang dan pembeli bertanggungjawab untuk membayar hutang tersebut.⁴⁴ Di kalangan orang arab pula mereka berpendapat *'ayn* adalah apa yang wujud dan hutang adalah perkara yang ghaib.⁴⁵ *'Ayn* adalah objek yang dapat dilihat dalam bentuknya yang tertentu.⁴⁶

Menurut *fuqahā'* Hanafi hutang harta secara *hukmī* yang berada dalam tanggungan seseorang, dan ia menjadi gantian kepada harta yang dihilangkannya, barang yang dipinjam, barang belian salam, harga barang yang dibeli ataupun manfaat daripada akad yang dilakukan. Ia lebih umum daripada hutang *al-qard*.⁴⁷ Di dalam kitab *Fath al-Ghaffar* Ibn Nujaym telah mentakrifkan tanggungan kewajipan dengan lebih umum dan luas termasuk harta dan juga hak-hak bukan harta seperti sembahyang, puasa, zakat, haji dan sebagainya.⁴⁸

Para *fuqahā'* Syāfi'i telah mengklasifikasikan hutang kepada milik tetap dan milik tidak tetap. Contoh hutang milik tetap ialah gantian bagi barang yang dihilangkan dan gantian bagi hutang *al-qard*. Hutang milik tidak tetap pula seperti barang tempahan *al-salam* dan harga bagi barang yang dijual. Oleh itu hutang boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu harga (*thaman*), barang yang dijual (*al-muthamman*) dan selain daripada keduanya.⁴⁹

Menurut al-Qaffāl sebagaimana di terangkan oleh al-Nawawī *al-thaman* ialah sesuatu lafaz yang melekat dengan kata sendi *ba'*. Misalnya seorang

berkata *bftu kadha bi kadha maka kadha* menjadi barang dan *bi kadha* adalah harga. Malah harga juga merupakan matawang yang dipakai seperti dinar atau dirham dan *al-muthmin* pula ialah barang tukaran kepada wang. Jika kontrak itu melibatkan pertukaran wang dan wang (*naqdayn*) maka harga ialah lafaz yang melekat dengan huruf *ba^c* dan *al-muthmin* adalah lawannya. Contohnya seseorang menjual kitab *bidarham* maka dalam contoh ini dirham adalah harga dan kitab pula *al-muthmin*. Jika dijual buku dengan buku (*kitab bikitab*) maka lafaz yang kedua ada huruf *ba^c* dipanggil harga.⁵⁰

Manakala kategori hutang selain daripada *al-thaman* dan *al-muthmin* ialah hutang yang tidak melibatkan akad jual beli seperti gantian barang yang hilang dan juga gantian hutang *al-qard*.⁵¹

Majallat al-Ahkām al-^cAdliyyah mendefinisikan hutang dalam artikel 158 sebagai sesuatu yang sabit pada tanggungan seseorang seperti jumlah wang yang tertentu dan tidak hadir pada masa itu.⁵² Manakala para ulamak tafsir pula mendefinisikan hutang sebagai ibarat untuk semua muamalat apabila satu pihak memberikan tunai dan pihak yang satu lagi menanggung barang tangguhan.⁵³

Rafiq al-Miṣrī seorang sarjana ekonomi kontemporari telah menggabungkan kesemua bentuk hutang itu dan mengklasifikasikannya kepada empat jenis hutang seperti berikut:⁵⁴

- (i) Pinjaman (*al-qard*) ia lebih khas daripada hutang (*dayn*) pemberi pinjam memberikan sejumlah wang sebagai pinjaman kepada peminjam dan peminjam wajib memulangkan wang tersebut apabila dituntut, apabila mampu ataupun bayaran tangguh. Beberapa ulamak berpendapat pinjaman bertangguh dibolehkan.
- (ii) Jualan bertangguh iaitu bentuk jualannya ialah separuh harga atau kesemua harga barang jualan di bayar secara tangguh dan pembeli berhutang disebabkan bayaran pada masa yang ditangguhkan .
- (iii) Jual beli salam juga merupakan satu bentuk hutang kerana barang menjadi hutang kepada penjual yang akan diberikan kepada pembeli yang ditangguhkan pada suatu masa yang tertentu.
- (iv) Bentuk-bentuk hutang yang lain ialah seperti mas kahwin, upah dan sebagainya yang ditangguhkan bayarannya pada suatu masa yang tertentu ⁵⁵

Kesimpulannya hutang adalah harta dan juga hak yang ditanggung oleh seseorang secara *hukm* tetapi objek hutang itu tidak dapat dilihat sebagaimana *dayn*. Orang yang menanggung hutang wajib membayar balik hutang tersebut kerana ia adalah satu kewajipan. Hutang wujud hasil daripada akad jual beli, pinjaman, sewaan dan juga terhasil tanpa akad seperti gantian barang yang hilang.

Oleh itu bon Islam merupakan satu bentuk hutang kerana penerbit bon telah membeli aset daripada pelabur dengan cara bayaran dibuat secara tangguh selama tempoh yang tertentu sama ada selepas tiga tahun, lima tahun dan sebagainya mengikut tempoh yang telah dipersetujui antara penerbit bon dan juga pelabur. Penerbit bon bertanggungjawab membayar balik hutangnya apabila sampai masanya. Malah untuk memastikan penerbit mampu dan berupaya untuk membayar balik hutangnya syarikat Rating Agency Malaysia ditugaskan untuk menilai kedudukan kewangan sesuatu syarikat sebelum Bank Negara meluluskan penerbitan bon tersebut. Penarafan yang dibuat oleh Rating Agency Malaysia ini menentukan kedudukan syarikat itu sama ada ianya mampu atau tidak untuk membayar hutang. Jika penarafan itu menunjukkan kedudukan kewangan syarikat itu lemah permohonan syarikat tersebut untuk menerbitkan bon tidak akan diluluskan.

3.4.1 Hutang Di Dalam al-Quran dan al-Hadis

Amalan berhutang diperakui oleh Allah sebagai satu bentuk muamalat manusia dan Allah telah memberi panduan kepada umat Islam bentuk dan cara untuk menguruskan hutang dengan cara yang sistematik. Sebagaimana firmanya di dalam *surah al-Baqarah* ayat 282 yang bermaksud :

Wahai orang-orang yang beriman apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang (yang diberi tempoh) hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah menulis hutang dan masa bayarannya itu. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu

menulisnya dengan adil. Dan janganlah seorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. Oleh itu hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan isi surat hutang itu dengan jelas dan hendaklah ia bertaqwā kepada Allah Tuhananya, dan janganlah ia mengurangkan sesuatu pun dari hutang itu. Kemudian jika orang yang berhutang itu bodoh atau lemah atau ia sendiri tidak dapat hendak merencanakan (isi surat itu) maka hendaklah direncanakan oleh walinya dengan adil, dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu. Kemudian kalau tiada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setujui menjadi saksi, supaya jika seorang lupa (dari saksi-saksi perempuan yang berdua itu) maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi. Dan janganlah saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil (menjadi saksi). Dan janganlah kamu jemu menulis perkara hutang yang bertempoh masanya itu, sama ada kecil atau besar jumlahnya. Yang demikian itu lebih adil di sisi Allah dan lebih membetulkan (menguatkan) keterangan saksi dan juga lebih hampir kepada tidak menimbulkan keraguan kamu. Kecuali perkara yang mengenai perniagaan tunai yang kamu edarkan sesama kamu maka tiada salah jika kamu tidak menulisnya, dan adakanlah saksi apabila berjual beli, dan janganlah mana-mana juru tulis dan saksi itu disusahkan. Dan kalau kamu melakukan (apa yang dilarang itu) maka sesungguhnya yang demikian adalah perbuatan fasiq (derhaka⁵⁶) yang ada pada kamu. Oleh itu hendaklah kamu bertaqwā kepada Allah dan (ingatlah) Allah (dengan keterangan itu) mengajar kamu dan Allah sentiasa mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

Ibn 'Arabī mengulas ayat yang berbunyi *faktubūhu* sebagai suruhan menulis butiran tentang hutang piutang dengan jelas dan lengkap supaya ia lebih rasmi dan menjadi bukti jika penghutang dan pemutang lupa tentang hutang mereka.⁵⁷

Malahan rasulullah juga telah melakukan amalan berhutang semasa hayat baginda. Ini berdasarkan kisah baginda yang telah membeli makanan daripada

orang Yahudi dengan bayaran bertangguh. Malahan baginda juga pernah meminjam unta dan sebagainya.⁵⁸

Bagi bon Islam yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat di Malaysia sebagaimana yang diterangkan dalam bab dua telah diterbitkan dengan sijil hutang yang jelas. Sijil hutang tersebut diterbitkan bagi menunjukkan kewujudan hutang tersebut. Amalan ini menepati suruhan Allah agar segala hutang piutang direkodkan agar tidak berlaku penipuan dan perselisihan di kemudian hari kerana hutang adalah tanggungan ke atas si penghutang dan wajib dibayar. Lebih-lebih lagi bon Islam yang diterbitkan di Malaysia melibatkan jumlah yang besar mencecah jutaan ringgit dan melibatkan wang rakyat seharusnya perlu diuruskan dengan lebih sistematik dan berkesan. Wujudnya Bank Negara dan Suruhanjaya Sekuriti sebagai badan pengawal setiap bon Islam yang diterbitkan lebih menjamin hutang tersebut akan dikembalikan kepada pemberi hutang apabila sampai tempoh yang telah ditetapkan.

3.4.2 Jual Beli Hutang

Berkaitan isu jual hutang terdapat dua hadis yang disebut oleh al-Syawkānī di dalam kitab *Nayl al-Awfār* dalam bab "Larangan menjual hutang dengan hutang dan harus menjual hutang dengan barang kepada orang yang berhutang". Hadis pertama ialah hadis yang ditakhrijkan oleh al-Dāraqutnī, Ishāq dan Bazzār dengan sanad yang *da‘if*. Ditakhrijkan juga oleh al-Hākim serta

dianggapnya sebagai hadis yang *sahīh* menurut syarat yang ditetapkan oleh Imām Muslim. *Hadīth* ini diriwayatkan dari Ibn °Umar bahawa Nabi SAW melarang jual hutang dengan hutang.⁵⁹

Tafsiran yang dibuat oleh al-Syawkānī ialah jual hutang dengan hutang (*bay^c al-nasīh bi al- nasīh*). Abū °Ubaid di dalam *al-gharīb* berpendapat sama seperti al-Syawkānī. Demikian juga pendapat al-Dāraqutnī. Sesetengah perawi mengatakan hutang dengan hutang (*al-dayn bi al-dayn*).⁶⁰

Selanjutnya al-Syawkānī mengatakan bahawa *hadīth* ini menjadi bukti bahawa jual hutang dengan hutang adalah tidak harus. Demikian juga tidak harus menjual barang yang tidak ada dengan barang yang tidak ada (*ma^cdūm bi al-ma^cdūm*).⁶¹

Menurut ahli-ahli *hadīth*, *hadīth* di atas adalah *da^cīf*. Ahli-ahli hadis telah mengkritik perawi hadis ini iaitu al-Hākim dan mereka berpendapat ulasan oleh al-Hākim yang mengatakan *sahīh* adalah tidak jelas kerana ia diriwayatkan oleh Mūsā bin °Ubādah al-Rabazi sahaja. Sedangkan Mūsā dianggap sebagai perawi yang *da^cīf* mengikut al-Dāraqutnī dan Ibn °Adī.⁶²

Imām Ahmad mengatakan tiada riwayat dari Mūsā yang *sahīh* di sisinya dan beliau tidak mendapati orang lain yang meriwayatkan hadis tersebut. Imām

Syāfi'i pula bersetuju bahawa semua ahli hadis menganggap hadis ini adalah lemah.⁶³

Secara praktisnya umat Islam telah sepakat menerima hadis tersebut walaupun ia adalah lemah. Imām Ahmad mengatakan tiada hadis *sahih* dalam perkara jual beli hutang ini. Walaubagaimanapun semua orang mengatakan bahawa tidak harus jual hutang dengan hutang. Ini bermakna telah wujud *ijmā'* tentang makna hadis ini dan hadis ini diterima maknanya dan disokong.⁶⁴

Hadis ini dianggap *sahīh* oleh al-Hākim dan disokong dengan hadis yang ditakhrijkan oleh al-Tabrānī dari Rafī' bin Khudayj bahawa Nabi SAW melarang jual hutang dengan hutang. Walau bagaimanapun menurut al-Syawkānī terdapat di dalam sanadnya Mūsā bin 'Ubadah dan oleh sebab itulah ia tidak dapat dijadikan bukti.⁶⁵

Larangan ini disokong dengan larangan menjual anak dalam kandungan (*bay' al-mālaqīt*). Larangan menjual benih dalam *ṣulbi* binatang jantan dan larangan menjual anak binatang daripada binatang yang akan lahir (*ḥabal al-ḥabalah*). Alasan larangan ialah kerana ia merupakan penjualan barang yang tidak ada (*bay' al-ma' dūm*).⁶⁶

Diperkuatkan juga dari hadis-hadis yang berkaitan dengan syarat serah menyerah (*al-taqābuḍ*) dalam jual beli barang-barang *ribāwi* seperti *ḥadīth*

yang terdapat di dalam kitab-kitab *hadīth* yang *sahīh* dan juga *hadīth* "selama kamu berdua tidak berpisah dan antara kamu ada sesuatu yang dijual".

Hadis yang kedua pula ialah hadis yang ditakhrijkan oleh Imām Ahmad daripada Ibn °Umar katanya :

Aku datang kepada Nabi SAW lalu aku mengatakan "Aku berjual beli unta di Baqi. Aku jual dengan dinar dan aku beli dengan dirham. Kadang-kadang aku jual dengan dirham dan aku beli dengan dinar. Kata Rasulullah SAW "Tidak mengapa jika kamu mengambil mengikut nilai hari itu selama kamu berdua tidak berpisah dan ada sesuatu yang dijual beli".⁶⁷

Menurut Imām al-Nawawī *hadīth* Ibn °Umar yang diriwayatkan oleh Abū Dāwūd, al-Turmidī, al-Nasā'ī dan lain-lain adalah *sahīh*. Diriwayatkan dengan *sanad-sanad* yang *sahīh*. Disebutkan oleh al-Baihaqī di dalam kitab *Ma'rifah al-Sunan wa al-Athār* bahawa kebanyakan *hadīth* ini *mawqūf* kepada Ibn °Umar. Menurut al-Nawawī ini tidak menghalang daripada ia menjadi hadis *marfu'*.⁶⁸

Sesetengah perawi meriwayatkan "aku menjual dengan wang emas tetapi aku mengambil wang perak, dan aku menjual dengan wang perak tetapi aku ambil wang emas sebagai gantinya".⁶⁹

Hadis ini juga menjadi bukti bahawa pembeli harus *taṣarruf* ke atas harga sebelum daripada dia menerima serahannya, biarpun harga bukan berada di dalam masa *khiyār* dan walaupun disyaratkan dan walaupun ia dalam masa

khiyār yang disyaratkan tidak boleh pembeli menukar dengan mata wang yang lain.⁷⁰ Berdasarkan ini, seseorang yang bertanggungjawab membayar hutang dengan wang dolar dalam jumlah yang tertentu harus baginya membuat persetujuan membayar dengan ringgit Malaysia mengikut harga wang di pasaran pada hari tertentu.

Hadīth ini dianggap *sahīḥ* oleh al-Hākim. Ia ditakhrijkan juga oleh Ibn Hibbān dan al-Baihaqī. Menurut al-Turmidī tidak diketahui *hadīth* ini sebagai *hadīth marfu'* kecuali yang diriwayatkan oleh Sammak Ibn Ḥarb. Seterusnya ia menyatakan bahawa *hadīth* ini diriwayatkan daripada Ibn °Umar secara *mawqūf* kepada Ibn °Umar. Al-Nasā'ī mentakhrijkan *hadīth* ini secara *mawqūf* juga kepada Ibn °Umar. Menurut al-Baihaqī pula *hadīth* ini diriwayatkan secara *marfu'* oleh Sammak Ibn Ḥarb. Syu'bah pula mengatakan bahawa Sammak meriwayatkan secara *marfu'* kepada mereka tetapi dia menggulungkannya sebagai *hadīth da'īf*.⁷¹

Al-Syawkānī mengatakan *hadīth* ini menunjukkan harus menggunakan harga yang sabit dalam tanggungan dengan sesuatu yang lain (*istibdāl °an al-thaman*). Apa yang zahir dari hadis ini ialah kedua-duanya tidak hadir bersekali. Sebaliknya yang hadir hanya salah satu sahaja dan ia tidak semestinya menjadi satu kewajipan. Ini menunjukkan bahawa sesuatu yang dalam tanggungan adalah sama hukumnya dengan yang hadir.⁷²

Mengenai sabda Rasulullah "selama kamu berdua tidak berpisah dan ada sesuatu yang dijual antara kamu berdua" adalah menjadi bukti harus *istibdāl*⁷³ dengan syarat serah terima dalam majlis kontrak kerana emas dan perak adalah barang *ribāwī*. Tidak boleh menjual salah satu dengan keduanya kecuali dengan syarat berlaku serah menyerah di dalam majlis jual beli. Pendapat ini dipegang oleh ʻUmar, Ibn ʻUmar, al-Hasan, al-Hākim, Tawus, al-Zuhri, Mālik, Syāfiʻī, Abū Hanīfah, al-Thaurī, al-Auzaʻī dan lain-lain.⁷⁴

Diriwayatkan oleh Ibn Masʻud, Ibn ʻAbbās, Saʻid bin Musayyab dan salah satu dari dua pendapat Imām Syāfiʻī bahawa *istibdāl* seperti yang disebutkan itu adalah makruh. Walau bagaimanapun *hadīth* ini menjadi hujah bagi mematahkan pendapat mereka.⁷⁵

Mazhab Ḥanbalī mengatakan harus dengan syarat harga mestilah harga pada hari itu seperti yang dinyatakan oleh *hadīth*. Sedangkan Abū Hanīfah dan Syāfiʻī mengatakan harus dilakukan *istibdāl* dengan harga pada hari itu, harga yang lebih tinggi atau lebih rendah.⁷⁶

Pendapat ini bercanggah dengan apa yang disebutkan dalam *hadīth* iaitu "dengan harga hari itu". *Hadīth* ini adalah lebih khusus daripada *hadīth* mengenai harta *ribāwī* yang diriwayatkan dari ʻUbādah bin al-Šamit iaitu "apabila berbeza jenis bolehkah kamu menjual mengikut sesuka hati kamu

dengan syarat dilakukan secara tunai". Oleh itu *hadīth* yang bermakna umum ini dikhaskan maknanya.⁷⁷

Kesimpulannya *hadīth* yang pertama adalah *qaṣīf* tetapi diamalkan. Penggunaan hadis ini berlaku secara *ijmā'*. Ia menjadi nas yang jelas menyatakan bahawa jual hutang dengan hutang adalah tidak harus.

Mengenai *hadīth* kedua ia adalah *hadīth saḥīḥ* lagi *marfu'*. *Hadīth* ini menunjukkan keharusan *istibdā'* sebelum diterima tetapi kepada orang yang berhutang sahaja dan tidak boleh kepada pihak yang ketiga. Keharusan ini adalah tertakluk kepada syarat serah terima di dalam majlis dan matawang itu hendaklah ditetapkan harganya mengikut harga pasaran .

Kesimpulannya terdapat tiga keadaan berlakunya jual beli hutang yang telah dibincangkan oleh para *fuqahā'* iaitu :

- (i) Pemilik hutang menjual hutang secara tunai kepada orang yang berhutang.

Hukum menjual hutang kepada orang yang berhutang adalah berbeza mengikut jenis hutang sama ada hutang itu milik tetap (*mustaqīr*) atau milik tidak tetap (*ghayr mustaqīr*). Contoh hutang tetap ialah gantian barang yang hilang, gantian pinjaman *al-qard*, nilai barang yang dirampas, harga barang yang dijual,

mahar selepas berlakunya persetubuhan dan sebagainya. Jumhur *fuqahā'* berpendapat harus menjual hutang jenis ini secara tunai kepada orang yang berhutang.⁷⁸ Contohnya seorang menjual hutang kepada orang yang berhutang dengan hutang lain yang berlainan jenis lalu hutang itu akan gugur dan wajib digantikan dengan jenis yang lain seperti wang.

Mereka berhujah dengan *hadīth* yang ditakhrijkan oleh Ashab al-Sunan Ibn Hibbān dan al-Baihaqī dari Ibn ‘Umar mengenai penjualan dinar dengan dirham dan sebaliknya. Rasulullah telah membuat pengakuan bahawa jualan tersebut adalah sah dengan syarat serah menyerah (*al-taqābuq*) dan dengan harga urusniaga. *Hadīth* ini menunjukkan hukum harus menjual emas dengan perak yang dalam tanggungan kepada orang yang berhutang dengan syarat serah terima.

Orang yang berhutang adalah dikira telah menerima serahan pada hutang yang ditanggungnya. Jika dia membayar harganya kepada pemilik hutang maka jual beli itu sudah berlaku terima (barang yang dijual dan juga harga). Oleh itu hukumnya harus. Manakala jualan hutang dengan hutang adalah diharamkan kerana tiada keupayaan menyerah. Dalam kes ini tidak perlu pembayaran kerana hutang yang ditanggung oleh orang yang berhutang adalah dikira sebagai bayaran yang telah diterima.⁷⁹

Walaupun para *fuqahā'* mengharuskan jual hutang dengan tunai kepada orang yang berhutang tetapi terdapat pengecualiannya kepada keharusan tersebut dalam dua keadaan iaitu *badal al-ṣarf* dan modal salam (*ra's māl al-salam*) dan jika berlaku *ribā nasīḥah*.

Mereka tidak mengharuskan penjualan atau pemindahan milik ke atas *badal al-ṣarf* dan *ra's māl al-salam* sebelum daripada diterima. Larangan ini dibuat untuk mengelakkan dari hilangnya syarat akad yang *sahīh* iaitu serah menyerah tukaran *ṣarf* dan *ra's māl al-salam* di dalam majlis.⁸⁰

Walaupun mereka mengharuskan penjualan hutang secara tunai kepada orang yang berhutang tetapi *fuqahā'* Syāfi'i dan Ḥanbalī mensyaratkan jualan itu berlaku dalam keadaan tiada elemen *ribā nasīḥah*.⁸¹ Sekiranya pemilik hutang menjual hutangnya yang berbentuk *ribāwī* seperti emas dengan perak, gandum dengan barli maka disyaratkan gantian kepada hutang tersebut diserah terima di dalam majlis akad tersebut berdasarkan kepada hadis Ibn °Umar di atas.

Jika pemilik hutang menerima gantian di dalam majlis maka jualan hutang itu adalah sah. Dalam kes ini penerimaannya adalah sempurna manakala orang yang berhutang memadai dengan penerimaan *ḥukmī* kerana penerimaan *ḥukmī* mengambil tempat penerimaan *haqiqī*. Contohnya seperti menjual barang simpanan (*al-wadī'ah*) kepada orang yang menyimpan (*al-wadī'*) dan tidak perlu

diperbaharui penerimaan kerana seseorang yang menyimpan sesuatu adalah sama seperti dia telah menerimanya dari penjual dan dia memulangkan kepada penjual (serah menyerah).⁸²

Bagi hutang milik belum tetap pula seperti barang tempahan yang belum diterima, bayaran sewa yang manfaat barang sewaan belum diguna, mahar sebelum daripada isteri disetubuh dan lain-lain. Hukumnya ialah harus memberi milik kepada orang yang bertanggungjawab membayarnya tanpa ada gantian sebab cara demikian adalah merupakan pengguguran hutang dari orang yang berhutang. Oleh itu ianya diharuskan.⁸³

(ii) Pemilik hutang menjual hutang secara tunai kepada orang lain.

Bagi kes menjual hutang dengan tunai kepada orang ketiga para fuqaha' telah memberikan ijтиhad mereka yang berbeza. Jumhur *fuqahā'* yang terdiri daripada *fuqahā'* Ḥanafī, satu pendapat dalam mazhab Syāfi'i dan juga Ḥanbalī mengatakan transaksi seperti ini dilarang.⁸⁴

Walau bagaimanapun *fuqahā'* Ḥanafī berpendapat boleh menjual hutang kepada selain orang yang berhutang dalam tiga kedaan iaitu wakil untuk menerima hutang, *ḥawālah* dan wasiat. Menurut Ibn 'Abidīn sah jika pemilik hutang mewakilkan kepada seseorang dan memberi milik hutang itu kepadanya untuk menerima hutang dari orang yang berhutang. Begitu juga bagi kes

hawālah hutang. Jika seseorang pemilik hutang menghawalahkan kepada seorang yang lain untuk memilik hutangnya dan mengambil hutang dari orang yang berhutang kepadanya maka *hawālah* itu adalah sah. Orang yang menerima *hawālah* (*al-muḥal*) akan memiliki hutang itu sebaik sahaja dia menerima hutang itu. Manakala keadaan yang ketiga ialah dalam wasiat. Sah mewasiatkan hutang kepada orang lain selain daripada orang yang berhutang kerana wasiat merupakan pemberian milik yang berkuatkuasa selepas kematian orang yang membuat wasiat. Oleh itu hutang akan berpindah kepada orang yang diwasiatkan sama seperti pusaka.⁸⁵

Sebahagian *fuqahā'* Syāfi'i seperti al-Syīrazī, al-Nawawī, al-Ramlī dan al-Syarbinī mengatakan harus menjual hutang kepada orang ketiga sebagaimana harus dijual kepada orang yang berhutang kecuali bagi kes hutang *al-salam*.⁸⁶

Dalam kes jualan hutang kepada orang lain *fuqahā'* Syāfi'i telah menetapkan beberapa syarat seperti berikut iaitu :⁸⁷

- i. Orang yang berhutang iu mestilah orang yang berupaya membayar hutang dan dia telah membuat pengakuan bahawa dia berhutang dan terdapat saksi yang mengakui bahawa dia berhutang.
- ii. Hutang itu hendaklah hutang yg tetap.
- iii. Hutang tersebut bukan barang tempahan.

iv. Penerimaan kedua barang tukaran berlaku di dalam majlis jual beli.

Jual hutang kepada orang yang berhutang dengan syarat sebegini adalah sah kerana tiadanya unsur *gharar*, iaitu pemilik hutang dilihat berupaya untuk menyerahkan hutang kepada pembeli hutang. Kedudukannya sama dengan *al-thaman* pada jual beli. Selain tidak wujud unsur *gharar* hutang itu adalah jenis tetap jadi ia sama seperti kes menjual hutang itu kepada orang yang berhutang seperti diterangkan di atas.

Jika syarat-syarat tersebut tidak wujud maka tidak sah menjual hutang kepada orang yang berhutang . Ini kerana kelemahan untuk untuk menyerah hutang tersebut menjadikannya wujud unsur *gharar*.

Bagi barang tempahan di dalam akad jual beli salam pula tidak harus dijual sebelum daripada penerimaan barang tersebut. Jualan barang yang belum diterima adalah dilarang. Malah pemilikan terhadap barang tersebut juga belum tetap jadi penjual tidak boleh menjual barang tersebut kerana ada kemungkinan barang itu tidak dapat diserahkan kerana tidak ada.

Menurut Imām al-Nawawī menjual hutang selain daripada barang tempahan dengan benda kepada pihak ketiga adalah batal. Contohnya si A mempunyai hutang yang berhak diperolehnya daripada si B, seorang hamba,

dengan hutang seratus dirham. Jual beli seperti ini batal kerana hamba tiada upaya untuk menyerah.⁸⁸

Al-Syarbinī mengatakan menjual hutang dengan hutang adalah tidak sah sama ada sama jenis atau jenis yang berlainan kerana Rasulullah melarang *bay' al-kali' bi al-kali'* yang ditafsirkan sebagai menjual hutang dengan hutang. Al-Bujirmi mengulas pendapat al-Syarbinī dengan berpendapat menjual hutang kepada pihak yang ketiga mestilah berlaku penerimaan di dalam majlis kontrak sama ada kedua-dua barang itu sama jenis dalam *'llah al-ribā* ataupun berbeza. Ini adalah untuk mengelak dari jual hutang dengan hutang. Sebaliknya bagi kes menjual hutang kepada orang yang berhutang tidak disyaratkan penerimaan barang di dalam majlis kecuali pada barang tukaran yang mempunyai *'llah* yang berbeza. Bagi barang yang berbeza *'llah* hanya disyaratkan penentuan sahaja.⁸⁹

Oleh itu disyaratkan serah menyerah berlaku dalam majlis bagi kes menjual hutang kepada pihak ketiga sama sepetimana disyaratkan pada kes menjual hutang kepada orang yang berhutang, sekiranya kontrak itu bertempoh.

Fuqahā' Mālikī mengharuskan jual hutang kepada selain daripada orang yang berhutang dengan syarat tiada unsur *gharar*, *ribā* dan juga larangan-larangan yang lain, antara syarat-syarat itu ialah :⁹⁰

- i. Hutang itu hendaklah terdiri daripada hutang yang boleh dijual sebelum daripada diterima serahannya. Contohnya seperti hutang *al-qard* atau lainnya. Ia tidak termasuk makanan, kerana sesuatu makanan tidak harus dijual sebelum daripada diterima serahannya.
- ii. Hendaklah dijual dengan harga yang diterima tunai. Maksudnya pembeli menyerahkan harga supaya tidak menjadi jual hutang dengan hutang.
- iii. Hendaklah barang yang menjadi harga itu bukan dari jenis barang yang dihutang itu ataupun sama jenis tetapi mesti banyak. Syarat ini bertujuan untuk mengelak daripada amalan riba.
- iv. Janganlah harga itu emas dan hutang itu daripada perak ataupun sebaliknya. Larangan ini bertujuan mengelakkan jualan yang tidak mengikut peraturan jual beli barang *ribāwī*.
- v. Orang yang berhutang mestilah berada di dalam negeri di mana kontrak itu diadakan. Tujuannya supaya dapat diketahui halnya sama ada miskin atau kaya, sebab gantian hutang berbeza menurut perbezaan keadaan orang yang berhutang. Oleh itu mesti ada supaya dapat dianggarkan nilai hutang. Barang yang dijual adalah tidak sah jika tidak diketahui.
- vi. Hendaklah orang yang berhutang itu mengakui yang dia berhutang, supaya tidak berlaku sebarang kemungkinan yang tidak diingini. Jika dia ingkar maka hutang itu tidak boleh dijual kepadanya, biarlah hutang itu sabit wujud melalui keterangan saksi. Syarat ini adalah untuk mengelakkan pertikaian.

- vii. Jangan ada permusuhan antara mereka berdua supaya tidak memberi peluang kepada penjual memeras dan menyusahkan orang yang berhutang.
 - viii. Orang yang berhutang mestilah terdiri daripada berakal iaitu orang yang boleh dilaksanakan hukuman ke atasnya. Tujuannya supaya hutang itu dapat diserahkan.
- (iii) Pemilik hutang menjual hutang dengan hutang kepada orang yang berhutang dan juga kepada orang lain.

Jumhur *fuqahā'* bersetuju bahawa menjual hutang dengan hutang kepada orang yang berhutang mahupun orang lain adalah tidak harus.⁹¹ Oleh itu *fuqahā'* Syāfi'i dan Ḥanbalī tidak mengharuskan *taṣarruf* sesuatu hutang. Jika si A memiliki hutang wang emas yang berhak diterimanya dari si B dan si B berhak menerima bayaran hutang dari A dalam bentuk wang perak lalu keduanya tukar menukar maka tidak sah. Menurut Syāfi'i perbuatan itu adalah sama dengan jual hutang dengan hutang.⁹² Mereka berujah dengan hadis *nahā al-rasūl* *'an bay' al-kali' bi al-kali'* sebagaimana yang telah diterangkan di atas.

Bagi pasaran bon Islam, jual beli hutang berlaku antara pelabur dan juga pihak ketiga dalam pasaran kedua secara tunai. Hukumnya ialah sama sebagaimana keadaan jual beli hutang secara tunai kepada orang lain. Para

fuqahā' khilāf tentang keharusannya. Bagi satu pendapat dalam mazhab Syāfi'i dan juga pendapat Mālikī mengatakan harus dengan syarat-syarat tertentu. Oleh kerana jual beli hutang itu berlaku di bawah kawalan Bank Negara dan unsur-unsur *gharar*⁹³ seperti kemungkinan akan berlaku ketidak upayaan menyerah tidak akan berlaku. Meskipun bon itu diniagakan dengan sistem tanpa sijil (*scriptless system*) tetapi ia didokumentasikan dengan baik di dalam sistem komputer. Oleh itu melihat kepada *maṣlaḥah*⁹⁴ dalam pasaran modal, bon perlu dicairkan kerana pelabur memerlukan wang tersebut untuk membiayai aktiviti-aktiviti perniagaan yang lain.⁹⁵

Para sarjana kontemporari di Timur Tengah dan juga sarjana tempatan mengemukakan pendapat yang berbeza berhubung jual beli bon Islam yang berupa *syahādah al-dayn*. Para ulamak di Timur Tengah tidak bersetuju dengan penggunaan bon Islam kerana ia melibatkan jual beli *syahādah al-dayn*. Menurut Zaki Badawi, antara punca mereka berpendapat jual beli sijil hutang adalah haram kerana mereka tidak faham konsep penerbitan bon dan mereka juga tidak terlibat secara langsung dengan aktiviti dalam pasaran modal bagaimana ia diurusniagakan. Apabila ditanya pendapat mereka tentang jual beli hutang, mereka akan merujuk kepada kitab-kitab *turāth* dan membuat ijtihad mereka tanpa melakukan penyelidikan mendalam terhadap bon itu sendiri. Oleh kerana itulah mereka menghukumkan jual beli hutang itu haram dan merupakan satu bentuk *riba*.⁹⁶

Sebaliknya para ulamak di Malaysia membenarkan jual beli *syahādah al-dayn* kerana mereka mengkaji dengan mendalam amalan sebenar yang berlaku sebelum sesuatu bon diterbitkan. Malah satu jawatankuasa yang dinamakan Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan Bank Negara⁹⁷ yang terdiri daripada pakar dalam bidang agama dan juga dalam bidang kewangan bermesyuarat dan berbincang secara mendalam tentang amalan sebenar bon Islam dan mereka sepakat membenarkan pelaksanaan Bon Islam berdasarkan kepentingannya.

Perbezaan pendapat di antara para sarjana Timur Tengah dan sarjana Malaysia ini bukanlah disebabkan oleh penggunaan sumber yang berbeza, sebaliknya disebabkan cara pemahaman sumber al-Quran dan sunnah yang berbeza kerana faktor setempat juga mempengaruhi ijtihad mereka. Jika kita lihat suasana dan bentuk perniagaan antara Malaysia dan Timur Tengah juga adalah berbeza. Di Timur Tengah sumber pendapatannya ialah daripada barang komoditi utama iaitu petroleum dan kegiatan pelaburan untuk mendapatkan modal adalah tidak perlu.⁹⁸ Malah mereka juga tidak mengamalkan program penswastaan yang memerlukan modal yang besar oleh institusi swasta sebagaimana negara kita.

Sebaliknya di Malaysia, dasar penswastaan menyebabkan perlunya kepada modal sedangkan hasil bumi tidak dapat menampung keperluan untuk menjalankan projek-projek penswastaan. Oleh itu pasaran modal perlu diaktifkan untuk mendapatkan sumber modal dan instrumen-instrumen yang menepati

kehendak syarak perlu diwujudkan. Oleh sebab itulah lahirnya bon Islam bagi memenuhi objektif tersebut.⁹⁹

Penulis cenderung berpendapat harus jual beli bon dalam pasaran kedua kerana ia adalah satu keperluan dalam pasaran modal. Jika jual beli bon tidak dibenarkan sudah tentu modal tidak berkembang dan pasaran kedua bagi pasaran modal tidak dapat diaktifkan. Ketidakaktifan pasaran kedua akan menyebabkan tiadanya urusniaga dalam pasaran kedua dan aliran modal tidak dapat digunakan secara optima kerana terhenti setakat pasaran pertama.

3.4.3 Pendiskaunan Hutang

Dalam bab dua telah diterangkan bahawa Khazanah Berhad akan menjual bon dengan cara bidaan dan peniaga utama akan membeli bon tersebut dengan harga bidaan yang lebih rendah daripada nilai nominal. Bentuk jual beli seperti ini dinamakan penjualan secara diskau kerana bon Khazanah diterbitkan sebagai bon kupon sifar iaitu tiada kadar keuntungan yang ditetapkan sebagaimana bon terbitan TNB dan sebagainya.

Akibat dari larangan menjual hutang kepada orang lain selain daripada orang yang berhutang atau orang yang berhutang kepada kerajaan dengan bayaran yang lebih rendah dari sepatutnya adalah tidak harus dan tidak sah. Ia termasuk di dalam *ribā al-nasīḥah* yang tidak diharuskan oleh syarak.

Jumhur *fuqahā'* termasuk sebahagian *fuqahā'* Syafi'i berpendapat harus menjual hutang kepada selain daripada orang yang berhutang. Pengharusan itu dilakukan dengan syarat kadar kedua barang pertukaran adalah sama dan bukan jual hutang dengan hutang. Tidak harus menjual hutang dengan harga yang lebih rendah dari nilai asalnya kerana ia termasuk di dalam riba.

Para *fuqahā'* telah membincangkan perkara ini dan memberi respon yang berbeza. Para ulamak di timur Tengah khususnya di Negara-negara Teluk tidak membenarkan amalan jualan hutang dengan cara diskaun kerana hutang yang terbentuk itu bukanlah aset tetapi berbentuk libiliti wang. Oleh itu ia tidak boleh dijual atau ditukar melainkan dengan kadar yang sama kerana jika sebaliknya ia akan termasuk dalam isu pertukaran wang dengan wang yang mesti dibuat secara *spot* dan sama jumlahnya. Hutang Islam pada pandangan ulamak Timur Tengah hanya boleh secara lebihan atau diskaun sekiranya hutang itu diterbitkan daripada instrumen yang masih mengekalkan hak milik aset kepada pengeluar sijil-sijil hutang seperti *ijārah* atau dalam instrumen-instrumen yang bercampur antara *ijārah* dengan kontrak pertukaran yang lain di mana jumlah sumbangan *ijārah* lebih banyak berbanding dengan jumlah aset di dalam kontrak *murābaḥah* atau *bay' bithaman ḥajil*.¹⁰⁰

Sebaliknya para ulamak di Malaysia khususnya di peringkat pengawalseliaan berpandangan bahawa hutang yang terbentuk melalui kontrak

pembentukan Islam seperti *murāba'ah* dan *bay' bithaman ājil* adalah berbentuk aset atau barang. Oleh itu ia hanya boleh diniagakan sama ada dengan harga tambah atau dengan harga diskau. Tujuan amalan pendiskauan ini adalah untuk memberi insentif kepada pembeli hutang.¹⁰¹

3.5 Kesimpulan

Penggunaan bon Islam sebagai satu cara mendapatkan modal perlu dimajukan meskipun terdapat perselisihan pendapat antara sarjana Islam. Perselisihan pendapat yang berlaku di antara ilmuan Timur Tengah dan Malaysia bukanlah penghalang untuk memajukan instrumen ini. Sebaliknya ia dilihat sebagai satu perkara positif kerana dari situ para sarjana Islam di Malaysia perlu berusaha untuk memperkemaskan lagi instrumen ini agar lebih menepati syarak dan penggunaannya boleh diterima di Malaysia mahupun di negara-negara Timur Tengah. Jika negara-negara Timur Tengah dapat menerima bon Islam yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat di Malaysia, sudah tentu skop pelaburan akan lebih meluas dan pasaran modal Islam dapat dibangunkan di peringkat antarabangsa.

Nota Hujung

¹ al-Sarakhsī, Shams al-Dīn Muḥammad ibn Aḥmad (1978) , **Kitāb al-Mabsūt**, juz. 12, Beirut: Dār al-Marifah, hal. 108.

² Al-Zabīdī, Muḥammad ibn Muḥammad Murtadā (1900), **Tāj al-Ārūs**, juz. 5, Benghazi : Dār al-Libyā, hal. 384, Wizārat al-Awqāf wa al-Syu'un al-Islamiyah (1983), **al-Mausū'ah al-Fiqhiyyah**, juz. 21, Kuwait: Wizārat al-Awqāf wa al-Syu'un al-Islamiyyah, , hal. 50-51.

³ Lane, Edward William (1956), **Arabic-English Lexicon**, buku I bahagian 1, New York : Frederick Ungar Publishing, hal. 284.

⁴ al-Ramī, Aḥmad ibn Hamzah ibn Syihāb al-Dīn (t.t), **Nihāyat al-Muhtāj ilā Syarḥ al-Minhāj**, juz. 3, Mesir : Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, hal. 36, Al-Syarbinī, Muḥammad al-Khaṭīb (t.t), **Mughnī al-Muhtaj ilā Ma'rifat Ma'ānī al-Faz al-Minhāj**, juz. 2, Beirut : Dār al-Fikr, hal. 2.

⁵ Al-Sarakhsī, op.cit., hal. 108-109.

⁶ Ibn Rushd, Abū al-Walīd Muḥammad ibn Aḥmad (1981), **Bidāyat al-Mujtahid wa Nihāyat al-Muqtaṣid**, juz. 2, Mesir : Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, hal. 125.

⁷ Ibn Taymiyyah, Taqi al-Dīn Ḥabd al-Ḥalīm (t.t), **al-Fatāwā al-Kubrā**, juz. 3, Beirut : Dār al-Marifah, hal. 406-407.

⁸ **Majallat al-Āḥkām al-Ādliyyah** (1964), tiada penerbit, hal.29.

⁹ Ibn Manzūr, Abī al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukarram (1994), **Lisān al-Ārāb**, juz. 2, Beiru t: Dār al-Šādir, hal. 442-443.

¹⁰ Ibn Rushd, op.cit., hal. 213, Al-Kāsānī, Ḥalā' al-Dīn Abī Bakr bin Mas'ūd (t.t), **Badā'i' al-Šanā'i' Fī Tartīb al-Syarā'i'**, juz. 7, Qāhirah : Maṭba'ah al-Imām, hal. 3193, Ibn al-Humām, Kamāl al-Dīn Muḥammad bin Ḥabd al-Wāhid (1970), **Syarḥ Fatḥ al-Qadīr**, juz. 6, Mesir : Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, hal. 494, al-Ghanīmī, Ḥabd al-Ghanī al-Ghanīmī (1998), **al-Libāb fī Syarḥ al-Kitāb**, juz. 1, Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-Ārābī, hal. 33, Al-Marghīnānī, Abī Ḥasan Ḥalī ibn Abī Bakr (1965), **al-Hidāyat Syarḥ Bidāyat al-Mubtadī**, juz. 3, Mesir : Maktabah wa Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, hal. 56, al-Dusūqī, Syams al-Dīn Muḥammad Ḥarfah (t.t), **Hāsyiyat al-Dusūqī 'alā al-Syarḥ al-Kabīr** , juz. 3, Beirut : Dār Ihya' al-Kutub al-Ārabiyyah, hal. 159, al-Qalyūbī, Syihāb al-Dīn al-Qalyūbī dan 'Umairah (t.t), **Qalyūbī Wa 'Umairah**, juz. 2, Miṣr : Maṭba'ah Dār Ihya' al-Kutub al-Ārabiyyah, , hal. 220, al-Syarbinī, Syams al-Dīn

Muhammad bin Muhammad al-Khaṭīb (1994), **Mughnī al-Muhtāj**, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, hal. 73.

¹¹ Nabil A.Saleh (1986), **Unlawful Gain And Legitimate Profit In Islamic Law**, London: Cambridge University Press, hal. 94.

¹² Ibn Qudāmah, Abū Muḥammad Ḥasan ibn Ḥasan al-Qāhirah (t.t), **al-Mughnī**, juz. 4, Mesir : Maktabah al-Qāhirah, hal. 139.

¹³ Al-Syarbinī, Muḥammad al-Khaṭīb (t.t), **op.cit.**, hal. 77, Al-Kāsānī, **op.cit.**, hal. 3192, Al-Marghinānī, **op.cit.**, hal. 56, al-Dusūqī, **op.cit.**, hal. 159, Khalīl bin Ishak (1922), **op.cit.**, hal. 172, Ibn al-Humam, **op.cit.**, hal. 496,

¹⁴ Al-Kāsānī, **op.cit.**, hal. 3193, Al-Syarbinī, Muḥammad al-Khaṭīb (t.t), **op.cit.**, hal. 78, Al-Nawawī, Abū Zakariyya Yahya bin Syarīf (t.t), **Rauḍat al-Tālibīn**, juz.3, Lubnān : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, hal. 529.

¹⁵ Al-Zuhaylī, Wahbah (1987), **al-Fiqh al-Islamī wa Adillatuh**, juz. 4, Damsyiq : Dār al-Fikr, hal. 704.

¹⁶ Al-Kāsānī, **op.cit.**, hal. 3195.

¹⁷ Al-Zuhaylī, Wahbah (1987), **op.cit.**, m.s 704.

¹⁸ Al-Kāsānī, **op.cit.**, hal.3195-3196.

¹⁹ Al-Zuhaylī, Wahbah (1987), **op.cit**, hal. 705.

²⁰ **Ibid.**

²¹ **Ibid.**

²² **Ibid.**

²³ **Ibid.**, hal. 706.

²⁴ Al-Kāsānī, **op.cit.**, hal. 3196.

²⁵ Al-Zuhaylī, Wahbah (1987), **op.cit.**, hal. 706.

²⁶ Al-Kāsānī, **op.cit.**, hal. 3197.

²⁷ Al-Zuhaylī, Wahbah (1987), **op.cit.**, hal. 706.

²⁸ al-Bukahari, **al-Jami’ al-Ṣahih**, Kitab al-Manaqib, juzuk 6, (hadis no. 3642) hal. 632 .

²⁹ Jabatan Perdana Menteri (1996), **Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran**, Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, hal. 155.

³⁰ Al-Jazīrī, **Kitāb al-Fiqh** ^calā al-Madhāhib al-Arba^c ah, juz. 2, Beirut : Dār al-Fikr, hal. 281.

³¹ Ibn al-Humam, **op.cit.**, hal. 497.

³² Ibn al-Humam, **op.cit.**, hal. 498, Al-Sarakhsī, **op.cit.**, juz. 13, hal. 80, Al-Kāsānī, **op.cit.**, hal. 3199.

³³ Sahnun, ^cAbd al-Salam bin Sa^cid b Ḥabīb al-Tanūkhī (t.t), **al-Mudāwanah al-Kubrā li al-Imām al-Mālik b. Anas**, juz. 10, Beirut : Dār al-Kutub al-^cIlmiyyah, hal. 226, Al-Marghinānī, **op.cit.**, hal. 160, al-Zurqānī, Abū ^cAbd Allāh Muḥammad ibn al-Bāqī (1936), **Syarḥ al-Zurqānī** ^cAlā Muwaṭṭa' al-Imām Mālik, juz. 3, Mesir: Maktabah Muṣṭafā Muḥammad, hal. 317, Ibn Rushd, **op.cit.**, hal. 214, *idem* (t.t), **Kitāb al-Muqaddimāt al-Mumahhidāt**, juz. 2, Bagdad : Maktabah al-Mathnā, hal. 592.

³⁴ al-Qalyūbī, **op.cit.**, hal. 221, al-Syīrāzī, Abū Ishaq Ibrāhīm ibn ^cAlī ibn Yūsuf (1976), **al-Muhadhdhab**, juz. 1 dan 3, Mesir : Maktabah wa Maṭba^cah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, hal. 133, Al-Syarbinī, Muḥammad al-Khaṭīb (t.t), **op.cit.**, hal. 78.

³⁵ Al-Syarbinī, Muḥammad al-Khaṭīb (t.t), **op.cit.**, hal. 78, al-Ramlī, **op.cit.**, hal. 113-114.

³⁶ Al-Jazīrī, **op.cit.**, hal. 280.

³⁷ Ibn Qudāmah, **op.cit.**, hal. 201.

³⁸ Al-Jazīrī, **op.cit.**, hal. 280

³⁹ Al-Syarbinī, Muḥammad al-Khaṭīb (t.t), **op.cit.**, hal. 78.

⁴⁰ Al-Syarbinī, Muḥammad al-Khaṭīb (t.t), **op.cit.**, hal. 79, al-Syawkānī, Muḥammad bin ^cAlī (t.t), **Nayl al-Awṭār**, juz. 5, Mesir : Maktabah wa Maṭba^cah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, hal. 172, al-Qaradawī, Yusuf (1987), **Bay^c al-Murābahah li al-Āmir bi al-Syira'** kama Tajrihi al-**Maṣārif al-Islamiyyah**, Qāhirah: Maktabah Wahbah, hal. 71-73.

⁴¹ Ibn Hazm, Abū Muḥammad (t.t), **al-Muḥallā**, juz. 9, Beirut: al-Maktab al-Tijārī li al-Tibā^cah wa al-Nasyr wa al-Tawzī^c, hal. 15.

⁴² Al-Syawkānī, **op.cit.**, hal. 161.

⁴³ Ibid.

⁴⁴ Al-Zabīdī, op.cit., juz. 9, hal. 207-309, Ibn Manzūr, op.cit., juz. 13, hal. 167-168, Wizārat al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islamiyah (1983), al-Mausū'ah al-Fiqhiyyah, juz. 21, Kuwait: Wizārat al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, hal. 102, Lane, Edward William (1956), op.cit., buku I bahagian 3, New York : Frederick Ungar Publishing, hal. 942-945.

⁴⁵ Ibn ḤArabī, Abū Bakr Muḥammad bin ḤAbd Allāh (543H), Aḥkām al-Qurān, Beirut: Dār al-Kutub al-ḤIlmiyyah, hal. 327, Al-Syaukānī, op.cit., hal. 380, al-Qurṭubī, Abu ḤAbd Allāh Muḥammad bin Muḥammad al-Anṣār (1993), al-Jāmi' li Aḥkām al-Qurān, juz. 3, Lubnān : Dār al-Kutub al-ḤIlmiyyah, hal. 243.

⁴⁶ Wizārat al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islamiyah (1983), op.cit., hal. 102.

⁴⁷ Ibn ḤAbidīn, Muḥammad Amīn (1966), Hāsyiat Rad al-Mukhtār, juz. 5, Mesir : Maktabah wa Matba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, hal. 158, Ibn Nujaym, Zain al-Dīn bin Ibrāhīm (1968), al-Asybah wa al-Nazā'ir, Mesir : Muassasah al-Ḥalabī wa Syarikāhu, hal. 354, Al-Sarakhsī, op.cit., juz. 12, hal. 126.

⁴⁸ Ibn Nujaym, Zain al-Dīn bin Ibrāhīm (1936), Fath al-Ghaffar Bi Syarḥ al-Manār, juz. 3, Mesir : Maktabah wa Matba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, hal. 20.

⁴⁹ Al-Nawawī, Abu Zakaria Yahya bin Syarif (t.t), al-Majmu' Syarḥ al-Muhadhdhab, juz. 9, Qahirah Matba'ah ḤĀsimah, hal. 298, Al-Nawawī, Abu Zakaria Yahya bin Syarif (676H), Raudat al-Tālibīn, juz.3, Lubnan : Dār al-Kutub al-ḤIlmiyyah, hal. 172, Al-Syarbinī, Muḥammad al-Khaṭīb (t.t), Mughnī al-Muhtaj ilā Ma'rifat Ma'ānī al-Faz al-Minhāj, juz. 2, Beirut : Dār al-Fikr, hal. 70.

⁵⁰ Al-Nawawī, Abū Zakariyya Yahya bin Syarf Al-Nawawī, (t.t), al-Majmu' Syarḥ al-Muhadhdhab, juz. 9, Qahirah Matba'ah ḤĀsimah, hal. 298, al-Bujirmī, Sulaymān al-Bujirmī (1951), Bujirmī 'Alī al-Khaṭīb, juz. 3, Mesir : Maktabah wa Matba'ah Mustafā al-Bābī al-Ḥalabī, hal. 4.

⁵¹ Al-Nawawī, al-Majmu', hal. 230.

⁵² Majallat al-Aḥkām al-ḤAdliyyah, hal. 33-34.

⁵³ Ibn ḤArabī, Abū Bakr Muḥammad bin ḤAbd Allāh (543H), Aḥkām al-Qurān, Beirut: Dār al-Kutub al-ḤIlmiyyah, hal. 327, Al-Syaukānī, Muḥammad bin ḤAlī (1995), Fath al-Qadīr, Lubnan : Dār al-Ma'rifah, hal. 380, al-Qurṭubī, Abu ḤAbd Allāh Muḥammad bin Muḥammad al-Anṣār (1993), al-Jāmi' li Aḥkām al-Qurān, juz. 3, Lubnan : Dār al-Kutub al-ḤIlmiyyah, hal. 243.

⁵⁴ Al-Miṣr, Rafiq Yūnus (1997), Bay' al-Taqsīt Tahīlī Fiqhī wa Iqtisādī, Damsyiq: Dār al-Qalam, hal. 85-86.

⁵⁵ Al-Zuhaylī, (1997), **Bay^c al-Dayn fī al-Syārīat al-Islamiyyat**, Damsyiq: Dār al-Maktabī, hal. 9.

⁵⁶ Jabatan Perdana Menteri (1996), **op.cit.**, hal. 90-91.

⁵⁷ Al-Nawawī, Abū Zakaria Yahya bin Syarif (t.t), **Şahih Muslim bi Syarḥ al-Nawawī**, juz. 10, Miṣr : Matba^cah al-Miṣriyyah wa Maktabātuha, hal. 101, Ibn Ḥāfiẓ, **op.cit.**, hal. 328.

⁵⁸ Al-Miṣr, Rafiq Yūnus (1997), **op.cit.**, hal. 86.

⁵⁹ Al-Syawkānī, **op.cit.**, hal. 177.

⁶⁰ **Ibid.**

⁶¹ **Ibid.**

⁶² **Ibid.**

⁶³ **Ibid.**

⁶⁴ **Ibid.**

⁶⁵ **Ibid.**

⁶⁶ al-Syarbinī, Muḥammad al-Khaṭīb (t.t), **op.cit.**, hal. 30.

⁶⁷ Al-Syawkānī, **op.cit.**, hal. 177.

⁶⁸ Al-Nawawī, **al-Majmu^c**, hal. 298.

⁶⁹ Al-Syawkānī, **op.cit.**, hal. 176.

⁷⁰ **Ibid.**

⁷¹ **Ibid.**

⁷² **Ibid.**

⁷³ *Istibdāl* ialah menjual hutang kepada orang ang berhutang iu sendiri. Lihat al-Bujirmī, Sulaymān al-Bujirmī (1951), **Bujirmī Ḳāfi al-Khaṭīb**, juz. 3, Mesir : Maktabah wa Matba^cah Mustafā al-Bābī al-Ḥalabī, hal. 3, Al-Nawawī, **Raudat al-Tālibīn**, hal. 514.

⁷⁴ Al-Syawkānī, **op.cit.**, hal. 177.

⁷⁵ Ibid.

⁷⁶ Ibid.

⁷⁷ Ibid., hal. 178.

⁷⁸ Al-Nawawī, al-Majmu^c, hal. 297, Ibn Ḥāfiẓ Abū Bakr, op.cit., hal. 152, al-Dusūqī, op.cit., hal. 61, Ibn Qudāmah, op.cit., hal. 120.

⁷⁹ Ibid.

⁸⁰ Ibid.

⁸¹ al-Ramī, op.cit., hal. 92, Ibn Qudāmah, op.cit., hal. 120.

⁸² Al-Zuhaylī, Wahbah, (1997), op.cit., hal. 29.

⁸³ Al-Nawawī, al-Majmu^c, hal. 297

⁸⁴ Al-Nawawī, al-Majmu^c, hal. 297, al-Bujirmī, op.cit., hal. 20, al-Bakrī, Abū Bakr Uthman bin Muhammad (t.t), Hāsyiat Iḥānat al-Tālibīn, juz. 3, Matba'ah Dār Ihya' al-Kutub al-'Arabiyyah, hal. 40, Ibn Qudāmah, op.cit., hal. 114, Ibn Ḥāfiẓ Abū Bakr, op.cit., hal. 152.

⁸⁵ Ibn Ḥāfiẓ Abū Bakr, op.cit., hal. 152-153.

⁸⁶ Al-Nawawī, al-Majmu^c, hal. 297.

⁸⁷ Ibid.

⁸⁸ al-Ramī, op.cit., hal. 92, Al-Nawawī, al-Majmu^c, hal. 297.

⁸⁹ al-Bujirmī, op.cit., hal. 20.

⁹⁰ al-Dusūqī, op.cit., hal. 63.

⁹¹ al-Dusūqī, op.cit., hal. 63. Al-Nawawī, al-Majmu^c, hal. 297, al-Bujirmī, op.cit., hal. 20, Al-Sarakhsī, op.cit., juz. 12, hal. 123.

⁹² Al-Syāfi'ī, Muḥammad bin Idrīs (1973), al-Umm, juz. 3, Lubnan : Dār al-Ma'rifah, hal. 33.

⁹³ *Gharar* bahaya atau risiko dalam harta dan jika berlaku dalam jual beli barang yang masih belum dalam pemilikan pembeli tidak tahu sama ada barang itu akan wujud atau sebaliknya. Ibn al-Qayyim, Syams al-Dīn Abū Ḥabd Allāh Muhammad ibn Abū Bakr (1973), *Aḥlām al-Muwaqqi'īn*, juz. 1, Beirut: Dār al-Fikr, hal. 358.

⁹⁴ Maṣlahah ialah melaksanakan sesuatu mengikut kepentingan yang telah ditetapkan oleh Islam dengan cara membuat kebaikan dan menolak kerosakan serta kemudarat dalam keadaan selari dengan objektif syarak. Lihat ʻIzz al-Dīn ḤAbd al-Salām (1968), *Qawā'id al-Ahkām fi Maṣāliḥ al-Anām*, Qāhirah : Dār al-Syarq li al-Tibā'ah, hal. 4-10, Al-Ghazzālī (1936), *al-Mustasfā min Ḥilm al-Uṣūl*, juz. 1, **Mesir** : Matba'ah Muṣṭafā Muhammād, hal. 139-141, Muhammād Abū Zahrah (t.t), *Uṣūl al-Fiqh*, Qāhirah : Dār al-Fikr al-Islāmi, hal. 291-301.

⁹⁵ Mohd Daud bin Bakar (1998), "Kedinamikan Syari'ah Dalam Memenuhi Tuntutan Mu'amalah Perbankan Moden", *Jurnal Syariah*, jil. 6, Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hal. 66.

⁹⁶ M.A. Zaki Badawi (1996), "Debt Trading", *Islamic Banker*, Julai , London: Islamic Banker, hal. 19.

⁹⁷ Ahli Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan Bank Negara terdiri daripada :

1. Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Haron Din
2. Tan Sri Datuk Ahmad Ibrahim (Beliau telah meninggal dunia pada 17 hb. April 1999)
3. Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Othman Haji Ishak (pengerusi)
4. Y.Bhg. Prof.Madya Dr. Abdullah Haji Ibrahim
5. Y.Bhg.S.S.Dato' Md.Hashim Haji Yahya
6. Y.Bhg. Prof.Madya Dr.Mohd.Daud Bakar
7. Y.Bhg.S.S. Tuan Haji Hassan Haji Ahmad
8. Y.Amat Arif Dato' Sheikh Azmi Ahmad
9. Y.Bhg. Dato' Abdul Halim Ismail
10. Dr.Ahmed Ali Abdalla, Setiausaha Agong, Majlis Penasihat Bank dan Institusi Kewangan Sudan⁹⁷

Berdasarkan temubual bersama Puan Kamilah Mohamad, Eksekutif Kanan, Jabatan pengawalan Bank, Bank Negara Malaysia, Tingkat 10A, pada 20 hb November 1998, jam 11.00 pagi.

⁹⁸ M.A. Zaki Badawi, *op.cit.*, hal. 19

⁹⁹ *Ibid.*

¹⁰⁰ Mohd Daud Bakar (1999), " Isu Syariah Dalam perbankan Dan Kewangan Islam: Perlaksanaan, Potensi Dan cabaran Dalam pasaran Kewangan Islam Dan Konvensional", kertas kerja yang dibentangkan dalam **Seminar Sistem Kewangan Islam**, Auditorium SIRIM, Shah Alam, 7 Ogos 1999, hal. 19.

¹⁰¹ Ibid.